

Kuantan: Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli Mohammad Azharishah Satar dinobat Olahragawan pada Majlis Malam Penghargaan Sukan UMP di Dewan Astaka UMP Gambang, baru-baru ini.

Azharishah yang menceburui sukan olahraga cemerlang apabila meraih pingat di Kejohanan Sukan Institut Pendidikan Tinggi (SUKIPT) dan Kejohanan Olahraga MASUM 2016.

Gelaran Olahragawati pulalah menjadi milik Cheong Pui Kei dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan menerusi sukan taekwando.

Pemenang menerima trofi, sijil penghargaan dan wang tunai RM500.

Hadiah disampaikan Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim. Hadir sama Pengarah Majlis Sukan Pahang Mohamed Rashdan Mohamed Razali, Pendaftar UMP Abd Hamid Majid dan Pengarah Pusat Sukan & Kebudayaan UMP



Azharishah Olahragawan UMP

Abd Rahman Safie.

Menurut Dr Daing Nasir, UMP meraikan kejayaan dan kecemerlangan atlet yang mencurahkan bakti mengharumkan nama institusi itu dalam bidang sukan sepanjang 2016.

"Pada tahun lalu seramai 11 atlet UMP yang menyertai Sukan Malaysia 2016 (SUKMA) di Sarawak dengan terpilih mewakili beberapa negeri seperti Pahang, Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu & Sarawak mene-

rusi pelbagai sukan termasuk boling padang, memanah, petanque, renang, taekwando dan karate.

Beliau berbangga dengan pencapaian prestasi UMP apabila meraih lima emas, 11 perak dan 10 pingat gangsa.